

# Tamak punca utama rasuah

BH 10 OCT 1988

**KUALA LUMPUR, Isnin — Perdana Menteri menolak anggapan bahawa pendapatan yang tidak mencukupi sebagai punca rasuah kerana kes yang ada membuktikan golongan berpendapatan tinggi juga terbabit dengan amalan terukutuk itu.**

"Jika pendapat ini benar, tentu mereka yang berpendapatan tinggi tidak terbabit dengan rasuah.

"Tetapi kita semua maklum ada orang berpendapatan tinggi meminta rasuah yang lebih banyak," kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan seminar 'Ke arah peningkatan program pencegahan rasuah dalam perkhidmatan awam' anjuran Badan Pencegah Rasuah (BPR) di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata nilai hidup masyarakat serta sifat tamak adalah antara sebab utama rasuah berlaku di negara ini.

Menurutnya, rasuah akan berleluasa dan

---

---

Oleh S SIVARAMAN

---

---

dilakukan secara terbuka jika masyarakat memandang ringan dan tidak menghina amalan itu.

"Jika masyarakat benci kepada pelaku rasuah dan mengutuk amalannya, ia tidak akan berkembang dan jika pun ada dilakukan secara tersembunyi," katanya.

Perdana Menteri berkata ada sebuah negara yang terkenal kerana rasuah cuba mencegah amalan itu dengan menaikkan tiga kali ganda gaji kakitangannya.

## Lebih berani

"Tetapi hasilnya ialah bayaran rasuah yang dituntut juga dinaikkan tiga kali ganda.

"Jelas di sini bahawa rasuah tidak terikat dengan pendapatan atau pangkat, sebaliknya disebabkan perasaan tamak dan haloba," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, perasaan tamak manusia boleh dibendung jika masyarakat mengamalkan nilai mulia dan berpegang teguh kepada ajaran agama.

Menurutnya, rasuah tidak banyak berbeza dengan penagihan dadah kerana seseorang itu akan terus menerimanya sehingga dikesan dan didakwa.

Perdana Menteri juga mahu ketua jabatan melaporkan kakitangan yang terbabit dengan rasuah kepada pihak berkuasa dalam usaha membanteras rasuah dalam perkhidmatan awam.

"Jika ketua jabatan atau lembaga tata tertib enggan melapor amalan rasuah kerana kasihan atau untuk menjaga imej jabatan dan kementerian, yang bersalah akan lebih berani manakala kakitangan lain pula membenarkan diri menerima rasuah," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata peluang untuk mengamalkan rasuah oleh pihak tertentu mungkin bertambah kerana Malaysia sedang melangkah ke arah menjadi negara perindustrian.

Menurutnya, pelaburan asing ke negara ini mungkin terjejas jika usaha pencegahan rasuah tidak dipertingkatkan.

Seminar dua hari di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) Bukit Kiara diha-diri oleh semua ketua jabatan dan pegawai tertinggi agensi kerajaan, kementerian dan kerajaan negeri.